



APABILA bercerita mengenai 'Orang Besi' dalam sukan olahraga nama yang muncul di fikiran pastinya Muhammad Malik Ahmad Tobias yang berjaya merangkul dua pingat emas dalam acara dekathlon di pentas Sukan SEA pada 1999 di Brunei dan edisi 2003 di Vietnam.

Malik merupakan penyambung legasi Allahyarham Mohamad Hanapiah Nasir dalam acara berkenaan dan selepas era kegemilangannya, Malaysia ketandusnya atlet dalam acara dekathlon dan sehingga kini masih tiada pengganti yang menonjol.

Jurulatih Olahraga Universiti Putra Malaysia (UPM) itu mengakui beliau sentiasa mengintai peluang untuk mencari penyambung legasinya, namun tiada lagi atlet yang dilihat mempunyai kriteria yang diinginkan untuk menjadi 'Orang Besi Olahraga' itu.

"Sepanjang saya menjadi jurulatih, saya masih tidak nampak calon-calon yang boleh menggantikan gelaran yang saya sandang ketika ini. Saya memasang impian untuk melihat ada anak-anak didik saya yang mampu menjadi seperti saya sebelum ini."

"Sepanjang saya menjadi atlet olahraga khususnya dalam acara dekathlon, pelbagai pengalaman dan rintangan yang saya hadapi untuk mencapai kejayaan yang saya kecapi sekarang ini. Kejayaan tidak datang dengan mudah, memang perlukan pengorbanan," katanya.

Dekathlon menghimpunkan 10 disiplin balapan dan padang iaitu 100, 400 dan 1,500 meter serta 110 meter berpagar, lompat jauh, lompat tinggi, lompat bergalah, lontar peluru, lempar cakera dan rejam lembing.

MALIK (tengah) bersama barisan atlet yang dibimbangnya di Universiti Putra Malaysia (UPM)



## Misi Malik cari penyambung legasi 'Orang Besi' dekathlon

Sementara itu, Malik mengakui kejayaannya merangkul dua kali pingat emas dalam temasya Sukan SEA pada tahun 1999 dan 2003 di Brunei dan Vietnam merupakan kenangan yang tidak akan dilupakan dan menganggap itu kejayaan luar biasa dalam kariernya.

"Merangkul dua emas itu pengalaman yang saya tidak boleh lupukan sepanjang bergelar atlet, walaupun saya tahu ada di antara atlet dari negara lain yang lebih hebat dari saya namun, saya tetap fokus dengan apa yang saya lakukan," jelasnya.

Beliau juga menceritakan tentang cabaran beliau semasa

### BIODATA

**Nama:** Muhammad Malik Ahmad Tobias

**Tarikh lahir:** 7 Januari 1981

**Tempat lahir:** Melaka

**Jurulatih:** Hanapiah Nasir

**Pencapaian:**

- Pingat emas Sukan SEA 1999 di Brunei
- Pingat Emas Sukan SEA 2003 di Vietnam
- Pingat Gangsa Terbuka Hong Kong 2005



MALIK juga diamanahkan selaku Ketua Kontinen UPM untuk Karnival Sukan Masum 2024.

remaja yang perlu membahagi masa antara pelajaran dan sukan pada masa yang sama.

"Cabaran paling besar yang perlu saya tempuh untuk menjadi atlet terhebat adalah semasa zaman remaja saya, yang mana saya perlu membahagikan masa antara pelajaran dan sukan. Itu antara perkara yang menjadi cabaran untuk saya dalam menjadi atlet olahraga."

"Semua atlet pasti tidak akan lari dari kecederaan termasuklah saya sendiri, saya pernah mengalami kecederaan sehingga saya terpaksa berehat dalam jangka masa yang lama," jelas Malik.

Malik Tobias memulakan karier beliau sebagai atlet olahraga pada usia 14 tahun ketika beliau mewakil pasukan Melaka dalam Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

Kejayaan beliau diteruskan apabila beliau dipilih untuk mewakili remaja kebangsaan di bawah program Tunas Cemerlang dalam sukan olahraga.

Malik yang merupakan anak kedua dari tujuh adik beradik



SEMANGAT untuk membimbing dan melahirkan bakat baharu dalam dunia olahraga tidak pernah padam dalam diri Malik.

mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampung Gelam di Melaka dan melanjutkan pelajarannya di peringkat menengah di Sekolah Menengah Sri Tanjung sebelum berke-

cimpung secara aktif dalam dunia sukan olahraga.

Selepas mengumumkan persaraan, Malik kini bergiat aktif sebagai Pegawai Belia dan Sukan Kanan di UPM.

## Malik ketuai atlit tuai lima emas



KERATAN akhbar yang disimpan oleh Malik ketika era kegemilangannya sebagai atlet negara.

Malik ketuai atlit tuai lima emas

Malik ketuai atlit tuai lima emas